

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 MAC 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 20

160 'projek sakit': 92 dalam tindakan ICU, 41 berjaya dipulihkan

160 'projek sakit': 92 dalam tindakan ICU, 41 berjaya dipulihkan

Kuala Lumpur: Sebanyak 160 projek pembangunan di seluruh negara dikategori sebagai 'projek sakit' dengan 92 daripadanya sedang dan sudah diambil tindakan intervensi atau penyelesaian masalah oleh Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, daripada 92 projek itu, sebanyak 41 projek berjaya dipulihkan dan mengikut jadual pelaksanaan projek yang dirancang.

"Sejumlah 51 projek lagi sedang dalam tindakan pemulihan," katanya pada sesi Pertanyaan Menteri persidangan Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan **Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bersatu-Bukit Gantang)** mengenai jumlah projek kerajaan yang terbengkalai setakat tahun ini dan projek gajah putih yang terbiar tanpa dibangunkan semula.

'Projek sakit' ditakrifkan apabila kemajuan kerja fizikal mengalami kelewatan melebihi 20 peratus ber-



MUSTAPA

banding jadual dirancang.

Sementara itu, Mustapa berkata, Ahli Parlimen yang mempunyai masalah projek terbengkalai atau lambat di kawasan mereka diminta mengemukakan masalah mereka itu kepada pihaknya secara bertulis.

"Yang Berhormat lebih tahu mengenai isu projek di kawasan masing-masing, kita memang ada sistem pantauan, tetapi mungkin sistem ini tidak lengkap, jadi Ahli Parlimen perlu jadi 'mata dan telinga' kerajaan supaya kita boleh pastikan setiap projek pembangunan ini berjalan dan disiapkan seperti dirancang," katanya.